

**BAB KELIMA**  
**KESESUAIAN ALIRAN NAHU KUFAH**  
**DALAM PENGAJIAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA**

**5.1 Pendahuluan**

Setelah kita melihat perbandingan antara Aliran Nahu Kufah dengan aliran-aliran nahu yang lain, khususnya Aliran Nahu Basrah, penulis pasti kita telah dapat melihat kesesuaian yang ada pada aliran ini yang boleh membantu proses pengajian bahasa Arab di negara ini. Sebelum kita melihat kesesuaian tersebut, adalah lebih baik jika kita membahagikannya mengikut pembahagian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap kurikulum bahasa Arab di peringkat sekolah menengah.

Berdasarkan mata pelajaran bahasa Arab yang diajar di peringkat PMR dan SPM, jelas sekali kurikulum bahasa Arab dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahasa Arab Komunikasi ( yang diajar di tingkatan satu hingga tingkatan lima ) dan Bahasa Arab Tinggi atau yang dinamakan juga Bahasa Arab Tambahan ( yang diajar di tingkatan empat dan lima ). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan kesesuaian Aliran Nahu Kufah dalam dua kategori tersebut.

**5.2 Bahasa Arab Komunikasi**

Melalui namanya sahaja, sudah jelas kepada kita bahawa kurikulum mata pelajaran ini beroreantasikan komunikasi. Namun untuk melihat kesesuaian Aliran Nahu Kufah untuk mata pelajaran ini, kita perlu mengetahui objektif am dan

objektif khas mata pelajaran ini seperti yang digariskan oleh buku " Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Untuk Tingkatan Dua " yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia ( 1995 : xii ).

### **5.2.1 Objektif Am**

Menurut buku huraian sukanan tersebut ; " Pengajaran bahasa Arab pada peringkat ini bertujuan untuk menyemai perasaan kasih di kalangan para pelajar terhadap bahasa Arab atas sifatnya sebagai bahasa al-Quran dan hadith Nabi s.a.w..

Di samping itu, pengajaran ini juga bertujuan agar para pelajar dapat menguasai kemahiran asas bahasa dan mampu menggunakan dalam pelbagai situasi atau keadaan tertentu secara berterusan ... ".

### **5.2.2 Objektif Khas**

Menurut buku yang sama, objektif khas mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi adalah seperti berikut :-

- 1) Mendengar dan memahami bunyi dan nada suatu perkataan, ayat dan ungkapan.
- 2) Menyebut suatu perkataan, ayat, ungkapan dan nombor dengan cara yang betul.
- 3) Bertutur dengan fasih dan teratur dalam situasi-situasi yang tertentu.
- 4) Menyampaikan ucapan tahniah dan takziah, memberi khutbah dan menyiaran iklan dan kenyataan.

- 5) Mampu membaca dan memahami suatu perkataan, ayat, ungkapan, arahan dan sebagainya sesuai mengikut kaedah morfologi dan penyusunan kata.
- 6) Mampu menulis suatu perkataan, ayat, perenggan, arahan dan surat mengikut kaedah penulisan yang betul.

### 5.2.3 Kesesuaian Aliran Nahu Kufah Untuk Bahasa Arab Komunikasi

Merujuk kepada perbincangan kita yang lalu, terdapat banyak kaedah nahu Aliran Nahu Kufah yang kelihatan sesuai digunakan untuk tujuan mengajar dan melatih para pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan mudah dan lancar. Perlu ditegaskan di sini, kesesuaian yang dimaksudkan adalah dilihat dari kaca mata penduduk negara ini khususnya orang-orang Melayu bukannya dari kaca mata orang-orang Arab. Kaedah-kaedah nahu yang dimaksudkan tersebut boleh dilihat sebagai contohnya dalam 4.2.1 nombor 2, 3, 7, 8, 13, 15 dan 16.

Dalam 4.2.1 nombor 2 misalnya, Aliran Nahu Kufah mengharuskan penggunaan ayat seperti berikut :- (مرَأْتِيْ بِكَ وَزَيْدٍ) yang bermaksud ; " Saya melintas di hadapan kamu dan Zaid ". Penggunaan ayat seperti ini bersesuaian sekali dengan tatabahasa bahasa Melayu yang menyebut ; " Dalam penggabungan frasa sendi nama dengan kata hubung " dan " dan " atau ", kata sendi nama pada unsur kedua, secara pilihan, boleh digugurkan ... "( Nik Safiah Karim, Tatabahasa Dewan, 1994 : 406).

Oleh itu, di sini wujud persamaan antara kaedah nahu Aliran Nahu Kusah dengan tatabahasa bahasa Melayu kerana kedua-duanya masing-masing membenarkan pengguguran atau pengulangan kata sendi nama seperti dalam contoh di atas tadi. Jika kaedah Aliran Nahu Basrah digunakan, kedudukan ayat dalam bahasa Melayu akan menjadi ; “ Saya melintas di hadapan kamu dan di hadapan Zaid ”. Walaupun pengulangan kata sendi nama “ di ” dan kata nama arah “ hadapan ” dalam ayat di atas dibenarkan, namun yang jelas kaedah nahu Aliran Nahu Kusah adalah lebih liberal dan praktikal kerana wujudnya persamaan seperti yang telah dijelaskan.

Dalam 4.2.1 nombor 3 pula, kaedah nahu Aliran Nahu Kusah nyata sekali tidak membebankan pelajar-pelajar bahasa Arab kerana struktur ayatnya yang ringkas dan mudah diujar. Contohnya boleh dilihat dalam ayat berikut :-

( قُمْتُ وَزَيْدٌ ) yang bermaksud ; “ Saya dan Zaid bangun ”.

Jika kaedah Aliran Nahu Basrah ingin diguna pakai, para pelajar harus menambah satu lagi perkataan menjadikan ayat tersebut seperti berikut :-

( قُمْتُ أَنَا وَزَيْدٌ ). Penambahan ini sudah tentu menyukarkan dan membebangkan

para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Di samping itu, Aliran Nahu Kufah juga kelihatan lebih fleksibel kerana penggunaan sistem i'rāb yang tidak terlalu ketat dalam kaedah nahu mereka, justeru itu memudahkan pelajar-pelajar bahasa Arab mempraktikkannya.

Fenomena ini boleh dilihat dalam 4.2.1 nombor 7 apabila kaedah nahu aliran tersebut membenarkan suatu perkataan dibaca dalam dua bentuk yang berbeza yang tidak mengubah makna ayat seperti dalam contoh berikut :-

(إِنْ زَيْدًا وَمُحَمَّدًا قَاتَمَانٍ) yang bermaksud ; “ Zaid dan Muhammad bangun ”.

Ayat di atas juga boleh disebut seperti berikut :- (إِنْ زَيْدًا وَمُحَمَّدًا قَاتَمَانٍ) iaitu

perkataan ( مُحَمَّد ) boleh dibaca sama ada secara mansūb atau pun marfu' .

Sekiranya pelajar-pelajar bahasa Arab hanya dibenarkan bertutur mengikut kaedah Aliran Nahu Basrah, mereka hanya mempunyai satu pilihan sahaja iaitu perkataan ( مُحَمَّد ) hendaklah dibaca secara mansūb. Keadaan ini sudah tentu boleh mengganggu mereka dalam usaha membiasakan diri bertutur dalam bahasa Arab.

Hal yang hampir sama juga boleh dilihat dalam 4.2.1 nombor 13 dan 15 apabila kaedah nahu Aliran Nahu Kufah mengharuskan penggunaan dua bentuk ayat yang berbeza untuk suatu makna yang sama.

Dalam 4.2.1 nombor 13 misalnya, Aliran Nahu Kufah mengharuskan frasa seperti dalam contoh berikut :- ( كِتَابُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ) - yang bermaksud ; " Kamu wajib berpegang kepada kitab Allah ( yakni al-Quran ) " - mendahului perkataan ( عَلَيْكُمْ ) dan juga sebaliknya. Begitu juga dalam 4.2.1 nombor 15, Aliran Nahu Kufah membenarkan frasa ( إِلَّا طَعَامَكَ ) mendahului frasa ( مَا أَكَلَ زَيْدٌ ) dan juga sebaliknya.

Dalam kedua-dua fenomena di atas, para pelajar mempunyai pilihan dalam membuat ujaran jaitu sama ada ingin menyebut :- ( عَلَيْكُمْ كِتَابُ اللَّهِ ) atau pun ( كِتَابُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ). Begitu juga, mereka bebas memilih antara ayat :- ( إِلَّا طَعَامَكَ مَا أَكَلَ زَيْدٌ ) atau pun ( مَا أَكَلَ زَيْدٌ إِلَّا طَعَامَكَ ).

Oleh itu, para pelajar bahasa Arab diberi kebebasan untuk memilih struktur ayat yang mereka ingin semasa bertutur atau berkomunikasi. Jika Aliran Nahu Basrah dipaksa ke atas mereka, nescaya kebebasan tersebut akan terhalang.

Selain itu, Aliran Nahu Kufah juga dalam keadaan tertentu dapat memenuhi maksud yang hendak disampaikan dalam bahasa Melayu berbanding Aliran Nahu Basrah.

Dalam 4.2.1 nombor 8 contohnya, Aliran Nahu Kufah membenarkan pengujaran ayat seperti berikut :- ( صُمِّتْ شَهْرًا كُلُّهُ ) yang bermaksud ; “ Saya berpuasa sebulan penuh ”. Kata penguat “ penuh ” dalam ayat bahasa Melayu di atas tidak boleh dinyatakan dalam bahasa Arab jika kaedah Aliran Nahu Basrah ingin diguna pakai dalam masalah ini kerana Aliran Nahu Basrah tidak membenarkan perkataan ( كُلُّ ) dalam ayat tersebut.

Oleh itu, dalam hal ini, Aliran Nahu Kufah nyata lebih relevan bagi para pelajar dalam memenuhi kehendak komunikasi bahasa Arab mereka.

Akhir sekali, dalam 4.2.1 nombor 16, kita dapati Aliran Nahu Kufah sekali lagi mengambil sikap terbuka dalam kaedah nahu mereka. Mereka bersikap rasional apabila tidak menyalahkan pengujaran ayat seperti berikut :- ( يَا طَلَابَ ) yang bermaksud ; “ Wahai pelajar ! ” di samping pengujaran ayat :- ( يَا طَلَابَ ).

Sikap keterbukaan ini pastinya tidak membebankan pelajar-pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hal ini kerana para pelajar seringkali melakukan

kesalahan dengan menambahkan ( ال ) dihadapan sesuatu kata seperti dalam

( المَذَرَّسَتِيُّ ، الجَامِعَةُ الْأَزْهَرُ ، هَذَا طَلَبُ الصَّفَيْرُ ) :-

Jika mereka ingin menggunakan kaedah Aliran Nahu Basrah, sudah pasti kesalahan yang sama akan berulang kerana Aliran Nahu Basrah hanya mengharuskan pengajaran ( يَا طَلَبُ ) sahaja.

Oleh itu, kesalahan demi kesalahan yang dilakukan pasti akan menggugat keyakinan para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan betul.

Seperti yang dijelaskan dalam bab yang pertama dulu, kajian ini hanyalah suatu titik permulaan ke arah suatu kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci. Tujuh contoh yang disebutkan di atas tadi adalah sebahagian daripada banyak contoh pertelingkahan antara Aliran Nahu Basrah dengan Aliran Nahu Kufah yang jika dikaji dengan lebih terperinci boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di negara ini.

Berdasarkan kepada ketujuh-tujuh contoh yang telah diuraikan di atas tadi, pemilihan kaedah Aliran Nahu Kufah berbanding Aliran Nahu Basrah amat bersesuaian sekali dengan kehendak objektif am dan khas pengajian Bahasa Arab Komunikasi. Kemahiran bertutur yang merupakan elemen kedua dalam kemahiran asas bahasa ( iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis ) perlu kepada

latihan yang berterusan. Dalam membentuk kemahiran tersebut pula, para pelajar perlu diberi kebebasan untuk memilih gaya bahasa yang mereka suka selagi gaya bahasa tersebut tidak menyalahi kaedah-kaedah dasar.

Menurut Ahmad Fikri Haji Hussain ( Majalah Pengajian Arab, Januari 1993 : 85 ) ; “ Dalam menangani persoalan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar, beberapa teknik dan cara telah dikenal pasti. Antaranya ialah :- ...

e) Membekalkan kepada pelajar sebanyak mungkin gaya bahasa yang bermaksud sama ”.

Di samping itu, menurut Zulkifley Hamid ( Jurnal Dewan Bahasa, Disember 1995 : 1096 ) ; “ Dalam proses komunikasi, kebenaran dan kesesuaian tidak semata-mata ditentukan oleh aspek kenahuan tetapi ditentukan juga oleh keperihalan keadaan kerana unsur-unsur bahasa digunakan. Ayat yang gramatis tidak semestinya sesuai jika keperihalan keadaan tidak mengizinkan ayat itu digunakan. Kegramatisan harus disciringkan dengan kesesuaian penggunaan ”.

Jika pendapat daripada Zulkifley Hamid di atas diterima pakai, penulis tidak nampak sebarang kecacatan untuk kita menerima pakai kaedah-kaedah nahu yang diutarakan oleh Aliran Nahu Kufah tersebut kerana kaedah-kaedah nahu tersebut masih lagi dianggap gramatis, apatah lagi jika kaedah-kaedah nahu tersebut hanya digunakan untuk tujuan komunikasi sahaja.

Oleh itu, alangkah malangnya bagi seseorang guru yang menegur anak muridnya yang menggunakan gaya bahasa berikut semasa bertutur :-

1) مَرَرْتُ بِكَ وَعَلَيْ (مررتُ بكَ وَعليَّ)

2) قُنْتُ وَزَمِيلِي لِمَا جَاءَ الْمُدِيزُ (قُنْتُ وَزَمِيلِي لِمَا جَاءَ الْمُدِيزُ)

3) إِنْ عَنَّ اللَّهِ وَمُحَمَّدٌ ذَكِيَانٌ (إِنْ عَنَّ اللَّهِ وَمُحَمَّدٌ ذَكِيَانٌ)

4) الْقَلْمَ دُونَكَ (الْقَلْمَ دُونَكَ)

5) إِلَّا كِتَابَكَ مَا أَخَذْتُ (إِلَّا كِتَابَكَ مَا أَخَذْتُ)

6) حَضَرْتُ يَوْمًا كُلَّهُ (حَضَرْتُ يَوْمًا كُلَّهُ)

7) لَوْ سَمَحْتَ يَا مُعْلِمَ (لَوْ سَمَحْتَ يَا مُعْلِمَ)

Teguran tersebut tidak mustahil berlaku apabila guru berkenaan hanya merujuk kepada Aliran Nahu Basrah sahaja semasa mengajar. Teguran yang kerap kali dilakukan sudah pasti boleh mengganggu tumpuan para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, penulis tidaklah bermaksud bahawa tidak ada satu pun kaedah nahu Aliran Nahu Kufah yang telah diguna pakai dalam pengajian

bahasa Arab di negara ini. Seperti yang telah dijelaskan, pengajian bahasa Arab di negara ini banyak bersumberkan buku-buku karangan Ibn Malik khususnya kitab beliau al-Alfiyyat. Justeru itu, mana-mana kaedah nahu Aliran Nahu Kufah yang dengan jelas disokong oleh Ibn Malik di dalam al-Alfiyyat beliau tersebut sememangnya telah diguna pakai dalam pengajian bahasa Arab di negara ini. Antara kaedah nahu tersebut ialah kaedah nahu dalam 4.2.1 nombor 2 dan 8 yakni yang berkaitan dengan Bahasa Arab Komunikasi.

Penulis juga tidak bermaksud, semua kaedah nahu Aliran Nahu Kufah sesuai digunakan untuk pengajian Bahasa Arab Komunikasi. Merujuk kepada kitab al-Insaf Fi Masa'il al-Khilaf, antara kaedah nahu Aliran Nahu Kufah yang dilihat kurang sesuai untuk tujuan tersebut ialah contoh pertelingkahan yang ke-31 ( T. T. : 1 / 250 ).

Dalam contoh pertelingkahan tersebut, Aliran Nahu Kufah tidak mengharuskan mendahulukan al-Hal ke atas al-fi'l, manakala ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah mengharuskannya. Contohnya :- ( رَأَيْتَ حَمَّامَ زَيْدَ ). Oleh itu, dalam hal ini, Aliran Nahu Basrah jelas sekali sesuai digunakan untuk tujuan komunikasi dalam bahasa Arab.

### 5.3 Bahasa Arab Tinggi

Tidak seperti Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Arab Tinggi ( Tambahan ) lebih menekankan aspek nahu. Oleh itu, sebelum kita melihat kesesuaian Aliran

Nahu Kufah untuk Bahasa Arab Tinggi, kita akan melihat terlebih dahulu objektif am dan khas Bahasa Arab Tinggi dan juga objektif khas pengajian nahu Bahasa Arab Tinggi.

### **5.3.1 Objektif Am**

Berdasarkan buku "Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tinggi Untuk Tingkatan Empat" ( 1995 : xii ) yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia ; " Objektif am pengajian Bahasa Arab Tambahan ialah untuk melahirkan perasaan bangga dan cinta kepada bahasa Arab atas sifatnya sebagai bahasa al-Quran dan bahasa ilmu serta maklumat dengan maksud untuk memahami teks dan bahan-bahan rujukan Islam dan bahasa Arab.

Di samping itu, pengajian ini juga bertujuan agar bahasa Arab mampu digunakan secara tepat dalam pelbagai bidang termasuk bidang komunikasi, pengayaan ilmu pengetahuan dan penghayatan terhadap keindahan bahasa dan gaya bahasa bahasa Arab ".

### **5.3.2 Objektif Khas**

Menurut buku tersebut lagi ( 1995 : xii ), antara objektif khas pengajian Bahasa Arab Tambahan ialah seperti berikut :-

- 1) Memahami makna dan menghayati bacaan ayat suci al-Quran dan hadith Nabi s.a.w..
- 2) Memahami teks dan penerbitan dalam bahasa Arab dengan jelas.

- 3) Mempraktikkan penggunaan bahasa Arab semasa bertutur, membaca dan menulis.
- 4) Menguasai kaedah nahu dan gaya bahasa bahasa Arab di samping mampu mempraktikkannya.
- 5) Menghayati sastera Arab dan keindahan gaya bahasanya serta menyuburkan kebolehan membuat kritikan dengan betul.
- 6) Menyelami rahsia dan mukjizat al-Quran serta berbangga dengan gaya bahasanya yang menarik, seterusnya beriman bahawa al-Quran itu adalah kalam Allah yang bersifat qadim ( sediakala ).
- 7) Membolehkan pelajar meniru gaya bahasa bahasa Arab yang menarik dalam pertuturan, tulisan dan ucapan mereka.
- 8) Menambahkan penguasaan pelajar dalam perbendaharaan kata dan gaya bahasa sastera sama ada yang berbentuk prosa atau puisi.
- 9) Berkebolehan menggunakan kamus dan bahan-bahan rujukan bahasa Arab yang pelbagai.

### <sup>†</sup> 5.3.3 Objektif Khas Pengajian Nahu

Menurut buku yang sama juga ( 1995 : 96 ), objektif khas pengajian nahu bahasa Arab di peringkat menengah ialah seperti berikut :-

- 1) Meningkatkan kemahiran pelajar menggunakan kaedah nahu bahasa Arab yang betul dalam pertuturan dan ucapan mereka.
- 2) Membolehkan pelajar memahami pelbagai bentuk bahan bacaan mengikut kaedah nahu yang sahih.

- 3) Menambahkan kemahiran menulis pelajar dalam pelbagai bidang penulisan mengikut kaedah nahu yang tepat.
- 4) Mengelak daripada melakukan kesalahan semasa bertutur dan menulis.

#### **5.3.4 Kesesuaian Aliran Nahu Kufah Untuk Bahasa Arab Tinggi**

Merujuk kepada perbincangan kita yang telah lepas, kesesuaian Aliran Nahu Kufah untuk Bahasa Arab Tinggi didapati lebih banyak dan menyeluruh berbanding Bahasa Arab Komunikasi. Kesesuaian pertama yang dapat kita lihat ialah dari sudut penggunaan istilah-istilah nahu.

Di samping istilah-istilah Aliran Nahu Basrah yang telah digunakan secara meluas dalam pengajian bahasa Arab di negara ini, kita juga boleh menambahkan khazanah istilah tersebut dengan istilah-istilah daripada Aliran Nahu Kufah. Merujuk kepada perbincangan kita dalam 3.3, antara istilah Aliran Nahu Kufah yang difikirkan sesuai untuk membantu pengajian bahasa Arab di negara ini ialah seperti berikut :-

الْتَّكْرِيرُ (1)

لَا التَّبْرِيَةُ (5)

الْتَّشْدِيدُ (2)

الْاسْمُ الثَّابِتُ (6)

الْفَعْلُ الْوَاقِعُ (3)

الْمَذْعُونُ (7)

الْاسْمُ الْمَجْهُولُ (4)

Istilah-istilah tersebut adalah gandingan kepada istilah-istilah Aliran Nahu Basrah yang telah digunakan sekarang ini iaitu :-

البدل (1)	لَا النَّافِعَةُ لِلْجِنْسِ (5)
التوكيذ (2)	الاسْمُ الْجَامِدُ (6)
الغِيْلُ الْمُتَعَدِّى (3)	الْمُتَلَدَّى (7)
ضَمِّينُ الشَّانِ (4)	


Penggunaan istilah-istilah Aliran Nahu Kufah tersebut bukan sekadar membanyakkan istilah-istilah nahu, tetapi yang lebih penting daripada itu ialah istilah-istilah tersebut lebih mudah difahami serta dihayati maknanya oleh para pelajar. Hal ini kerana istilah-istilah tersebut jika diterjemahkan secara langsung ke dalam bahasa Melayu akan memberi makna yang senang difahami oleh para pelajar. Istilah al-Takrīr, al-Tasyid, al-Iam al-Thabit dan al-Madū misalnya akan memberi makna ( secara langsung ) yang berikut iaitu “ Pengulangan, Penguatan, Kata Nama Tetap dan Yang Diajak ”. Makna secara langsung ini nyata sekali lebih mudah berbanding makna yang dibawa oleh istilah-istilah Aliran Nahu Basrah iaitu “ Pengganti, Penegasan, Kata Nama Beku dan Yang Diseru ”.

Di samping itu, perkataan-perkataan yang berkaitan dengan istilah-istilah tersebut juga seperti perkataan ( كُرْز ، شَدَّ ، ثَبَّت ، دَعَا ، وَقَع ، جَهَل ) dan sebagainya sering digunakan oleh para pelajar dalam tulisan-tulisan mereka serta sering ditemui dalam buku-buku teks mereka. Oleh itu, penggunaan istilah-istilah Aliran Nahu Kufah yang berkaitan dengan perkataan-perkataan tersebut akan lebih senang difahami oleh para pelajar. Pemahaman terhadap sesuatu istilah seterusnya akan membantu para pelajar memahami perbincangan yang berkaitan dengan istilah tersebut.

Selain itu, istilah-istilah Aliran Nahu Kufah juga boleh digunakan sebagai ringkasan kepada istilah-istilah Aliran Nahu Basrah yang polbagai. Istilah Syibh al-Maf'ul ( شِبْهُ الْمَفْعُولِ ) misalnya, mewakili empat istilah dalam Aliran Nahu Basrah iaitu al-Maf'ul al-Mutlaq, al-Maf'ul Fihi, al-Maf'ul Li'ajlih dan al-Maf'ul Ma`ah. Alangkah mudahnya jika keempat-empat istilah Aliran Nahu Basrah tersebut hanya diwakili oleh satu istilah sahaja iaitu Syibh al-Maf'ul.

Kalau pun kita tidak mahu menggantikan keempat-empat istilah tersebut dengan istilah Syibh al-Maf'ul, kita boleh mengatakan bahawa al-Maf'ul ( المَفْعُولِ ) dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua iaitu al-Maf'ul Bih dan Syibh al-Maf'ul.

Kemudian Syibh al-Maf'ul itu pula terbahagi kepada empat iaitu al-Maf'ul al-Mutlaq, al-Maf'ul Fih, al-Maf'ul Li'ajlih dan al-Maf'ul Ma'ah. Pembahagian al-Maf'ul seperti di atas boleh ditunjukkan seperti dalam gambarajah berikut :-



( Gambarajah 1 )

Pembahagian al-Maf'ul seperti ini sudah pasti lebih memudahkan para pelajar memahami bentuk-bentuk al-Maf'ul yang terdapat dalam bahasa Arab yang setiapnya mempunyai ciri-ciri yang berbeza antara satu sama lain.

Begitu juga dengan istilah al-Tafsir yang mewakili tiga istilah dalam Aliran Nahu Basrah iaitu al-Tamyiz, al-Maf'ul Li'ajlih dan al-Badal al-Mutabiq. Oleh kerana istilah al-Maf'ul Li'ajlih sudah diletakkan di bawah istilah Syibh al-Maf'ul, maka istilah al-Tafsir boleh dijadikan sebagai istilah tambahan semasa menerangkan makna sesuatu perkataan.

Contohnya ketika kita menerangkan makna perkataan ( حَذَرَ الْمَوْتُ )

dalam firman Allah Ta`ala yang berikut ( Al-Baqarat : 19 ) :-

( يَجْعَلُونَ أَصْبَاغَهُمْ فِي أَذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتُ ) yang bermaksud ;

“ Mereka menyumbatkan jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir kerana mereka takut mati ... ”.

Perkataan ( حَذَرَ الْمَوْتُ ) yang bermaksud “ takut mati ” adalah Tafsir kepada kata kerja ( يَجْعَلُونَ ) yang bermaksud “ mereka menyumbatkan ”.

Istilah al-Tafsir juga boleh digunakan semasa menerangkan perkataan yang menjadi Tamyiz atau al-Badal al-Mutabiq. Contohnya perkataan ( ذَهَبَا ) dalam firman Allah Ta`ala ( Ali 'Imran : 91 ) berikut :-

( فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَحَدِهِمْ مِنْ أَرْضِ الْأَرْضِ ذَهَبَا ) yang bermaksud ; “ Maka tidak sekali-kali akan diterima dari seorang di antara mereka ( orang-orang kafir ) emas sepenuh bumi ... ”.

Perkataan ( ذهباً ) yang bermaksud " emas " dalam ayat di atas adalah

Tafsir kepada maksud perkataan ( ملء الأرض ) yang bermaksud " sepenuh bumi ".

Sementara itu, perkataan ( الجن ) yang bererti " jin " dalam firman Allah Ta'ala ( Al-An'am : 100 ) berikut :- ( وَجَعَلُوا لِلّهِ شُرْكَاءَ لِلنَّجْنُ ) yang bermaksud ; " Dan mereka menjadikan bagi Allah itu sekutu iaitu jin ... ", adalah Tafsir kepada perkataan ( شُرْكَاءَ ) yang bererti " sekutu ".

Penggunaan istilah al-Tafsir dalam ketiga-tiga contoh di atas tadi lebih memudahkan pemahaman para pelajar terhadap maksud firman Allah Ta'ala tersebut. Hal ini kerana perkataan al-Tafsir sudah tidak asing lagi di kalangan para pelajar kerana penggunaannya yang sangat meluas. Selain itu, perkataan " tafsir " juga sudah menjadi sebahagian daripada perkataan dalam bahasa Melayu berbanding tiga istilah daripada Aliran Nahu Basrah tersebut yang masih lagi dianggap sebagai perkataan asing. Oleh itu, istilah al-Tafsir lebih mudah difahami oleh para pelajar berbanding istilah-istilah Aliran Nahu Basrah tersebut.

Di samping itu, terdapat juga istilah Aliran Nahu Kufah yang tidak ada gandingannya dengan istilah dalam Aliran Nahu Basrah. Istilah al-Fi'l al-Da'im


misalnya, adalah istilah untuk Ism al-Fa`il ( dalam Aliran Nahu Basrah ) yang mempunyai fungsi yang sama seperti kata kerja. Contohnya boleh dilihat seperti

ayat berikut :- ( الرَّجُلُ الْخَائِفُ قَلْبُهُ يَصْنَعُ فِي الْمَسْجِدِ ) yang bermaksud ;

“ Lelaki yang khusuk hatinya itu sedang bersembahyang di masjid ”.

Perkataan ( الخَائِفُ ) dalam ayat di atas adalah al-Fi`l al-Da`im kerana fungsinya menominatikan kata nama selepasnya iaitu perkataan ( قَلْبُهُ ). Oleh itu, istilah al-Fi`l al-Da`im adalah lebih khusus berbanding istilah Ism al-Fa`il.

Dalam hal ini, ada baiknya jika kita membahagikan al-fi`l dalam bahasa Arab kepada empat bahagian iaitu al-Fi`l al-Madi, al-Fi`l al-Mudari, Fi`l al-Amr dan al-Fi`l al-Da`im. Pembahagian al-Fi`l tersebut boleh ditunjukkan seperti gambarajah di bawah berikut :-



( Gambarajah 2 )

Anggapan al-Fi'l al-Dā'im sebagai sebahagian daripada al-fi'l ini lebih mudah difahami oleh para pelajar kerana fungsinya yang sama dengan kata kerja. Oleh itu, istilah al-Fi'l al-Dā'im lebih sesuai digunakan ( dalam hal ini ) sebagai ganti daripada istilah Ism al-Fa'il yang terlampau umum.

Walau bagaimanapun, perlu disedari membanyakkan istilah-istilah nahu termasuk penggunaan istilah-istilah Aliran Nahu Kufah tanpa sebarang tujuan dan matlamat tidak akan memberi sebarang faedah, malah boleh membebankan para pelajar untuk menghafal dan mengingatinya. Oleh itu, tidak semua istilah Aliran Nahu Kufah sesuai untuk diserapkan ke dalam sistem pengajian bahasa Arab di negara ini. Bagaimanapun, penulis tidak akan membincangkan istilah-istilah tersebut dalam kajian ini.

Di samping penggunaan istilah-istilah nahu yang lebih mudah difahami, kaedah-kaedah nahu Aliran Nahu Kufah juga mudah difahami kerana beberapa sebab. Antaranya ialah kurangnya fenomena pentakwilan dalam pembinaan kaedah nahu berbanding kaedah nahu Aliran Nahu Basrah.

Dalam 4.2.1 nombor 6 misalnya, Aliran Nahu Basrah mentakwilkan (أَنْ الْمُضْنَفَةُ) iaitu huruf (نْ) yang tersebunyi selepas "Lām" al-Ta'iīf adalah penyebab kepada fenomena nasb al-Fi'l al-Mudari' seperti dalam ayat :- (جِئْتُكَ لِتُكْرِمَنِي). Manakala Aliran Nahu Kufah pula hanya menganggap

huruf " Lam " sebelum al-Fi'l al-Mudari' sebagai penyebab kepada fenomena tersebut.

Begitu juga dalam 4.2.1 nombor 10, Aliran Nahu Kufah menganggap bahawa partikel " Hattā " adalah sebahagian daripada agen akusatif yang boleh mengakusatifkan al-Fi'l al-Mudari' seperti dalam contoh :-

( وَذَكُّرِ اللَّهَ حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسُ ) . Bagaimanapun, Aliran Nahu Basrah tetap

mentakwilkan wujudnya ( إِنَّ الْمُضْنَمَةَ ) yang terletak selepas " Hattā " sebagai sebab kepada fenomena nasb al-Fi'l al-Mudari' tersebut.

Sementara itu, dalam 4.2.1 nombor 4 pula, kaedah nahu Aliran Nahu Kufah lebih mudah difahami kerana mereka membenarkan idafat suatu kata nama kepada suatu kata nama lain yang sama makna dengannya asalkan kedua-duanya berbeza dari sudut lafaz. Namun begitu, Aliran Nahu Basrah tidak mengharuskannya, malah mereka mentakwilkan setiap bukti bahasa yang datang dalam bentuk idafat tersebut.

Antara bukti bahasa tersebut ialah firman Allah Ta'ala ( Al-Waqi'at : 95 ) :-

( إِنَّ هَذَا لَهُوَ حَقٌّ الْبَيِّنُونَ ) dan firman-Nya lagi ( Yusuf : 109 ) :-

( وَكَذَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ ) . Menurut Aliran Nahu Basrah, perkataan ( الْبَيِّنُونَ ) dan

( الآخرة ) sebenarnya adalah kata sifat kepada suatu kata nama yang tersembunyi

yang menjadi Mudaf' Ilayh. Oleh itu, mereka mentakwilkan firman Allah Ta'ala di atas seperti berikut :-

( وَلَدَارُ السَّاعَةِ الْآخِرَةِ خَيْرٌ ) dan ( إِنَّ هَذَا لَهُوَ حَقٌّ الْأَمْرُ الْيَقِينُ ) Al-Anbāriy, 1961 : 2 / 438 ).

Dalam 4.2.1 nombor 14 pula, Aliran Nahu Kufah mengambil sikap terbuka dengan membenarkan al-Fi'l al-Mādī di'rāb sebagai al-Hal tanpa perlu didahului oleh partikel ( قَدْ ) seperti dalam firman Allah Ta'ala ( Al-Nisā' : 90 ) :-

( أَوْ جَاءُوكُمْ حَصِيرَتٌ مَسْتُورَةٌ )

Walaupun pendapat Aliran Nahu Kufah ini lebih mudah serta tidak memerlukan kepada sebarang takwilan, Aliran Nahu Basrah tetap berpegang dengan pendapat yang mengatakan bahawa al-Fi'l al-Mādī perlu didahului ( salah satunya ) oleh partikel ( قَدْ ) sama ada secara zahir atau takdir ( yakni ditakwilkan

wujud ) sebagai syarat untuk di'rāb sebagai al-Hal. Oleh itu, mereka mentakwilkan firman Allah Ta'ala di atas tadi dengan takwilan seperti berikut :-

( أَوْ جَاءُوكُمْ قَدْ حَصِيرَتٌ مَسْتُورَةٌ ) ( Ahmad Dirāt, 1991 : 393 ).

Dalam kesemua contoh di atas tadi, pentakwilan yang dibuat oleh Aliran Nahu Basrah nyata sekali menyusahkan para pelajar kerana pentakwilan-pentakwilan tersebut akan membebankan mereka untuk mengetahui sesuatu yang sebenarnya tidak begitu diperlukan atau boleh diketahui dengan cara yang lebih mudah difahami. Dalam hal ini, Aliran Nahu Kufah amat bertepatan sekali dengan kaedah nahu yang menyebut bahawa ; “ Suatu ( kaedah nahu ) yang tidak memerlukan kepada pentakwilan adalah lebih baik berbanding suatu ( kaedah nahu ) yang memerlukan kepada pentakwilan ” ( Ahmad Dirat, 1991 : 363 ).

Dalam hal ini juga, Dr. Abd. Rahim Ismail ( Majalah Pengajian Arab, Ogos 1994 : 113 ) menyatakan ; “ Golongan yang terlibat dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa secara umumnya sepakat mengatakan bahawa ilmu nahu yang dikehendaki dalam bidang pengajaran ialah ilmu nahu yang ringkas serta jauh daripada unsur-unsur penghuraian dan penganalisaan. Ilmu nahu tersebut dikemukakan dalam bentuk yang boleh membantu para pelajar memahami dan mendalami ilmu tersebut tanpa bersusah payah di samping membantu mereka menggunakan dan mengeksplotasi ilmu tersebut sebagai suatu cara dalam memperoleh kemampuan berbahasa bukannya sebagai suatu matlamat yang tersendiri ”.

Oleh itu, Muhamad bin Mustafa dalam disertasinya yang bertajuk “ Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab ” ( Pusat Bahasa, Universiti Malaya, 1995 : 112 ) menyatakan bahawa antara sebab utama timbulnya kesukaran dalam pengajian nahu

bahasa Arab ialah wujudnya banyak perselisihan pendapat dan pentakwilan di kalangan ulamak-ulamak nahu.

Selain daripada kurangnya fenomena pentakwilan dalam pembinaan kaedah nahu Arab, Aliran Nahu Kufah juga sesuai digunakan dalam pengajian nahu bahasa Arab di negara ini kerana aliran tersebut tidak banyak mengandungi unsur-unsur falsafah dalam kaedah nahu mereka.

Contohnya boleh dilihat dalam 4.2.1 nombor 9. Dalam masalah tersebut, Aliran Nahu Kufah menganggap sebab al-Fi'l al-Mudāri' dibaca dengan marfu' seperti dalam contoh ( يَقُولُ زَيْنٌ ) ialah kerana tiadanya al-nāsib dan al-jazim yang mendahuluinya. Pendapat ini sudah pasti mudah difahami kerana tiadanya unsur-unsur falsafah yang merumitkan pemahaman para pelajar.

Bagaimanapun, Aliran Nahu Basrah mengatakan sebab fenomena marfu' al-Fi'l al-Mudāri' tersebut ialah kerana kata kerja tersebut mengambil tempat al-ism. Untuk menegakkan pendapat mereka ini, ulamak-ulamak Nahu Basrah mula berfalsafah dengan memberikan dua sebab iaitu :-

- 1) Jika al-ism yang menjadi Mubtada' ( مُبْتَدأ - Subjek ) wajib dibaca dengan marfu', begitulah juga dengan al-Fi'l al-Mudāri' .

2) Kedudukan al-Fi' al-Mudāri' mengambil tempat al-ism melayakkan kata kerja tersebut mendapat bentuk f'rāb yang terbaik sekali iaitu al-raf (الرَّفْ ) nominatif ). ( Al-Anbārīy, 1961 : 2 / 552 ).

Hal yang sama juga boleh dilihat dalam 4.2.1 nombor 8. Dalam masalah ini, Aliran Nahu Kufah mengharuskan Tawkid ke atas Nakirat apabila kata nama tersebut memberi makna yang terhad seperti dalam contoh berikut :-

(صُنْتَ شَهْرًا كُلَّهُ).

Walaupun Aliran Nahu Kufah mempunyai bukti yang kukuh seperti bait puisi berikut :- \* تَخْمِلُنِي الْزَّلْفَاءُ حَوْلًا أَكْتَعَا \* serta sokongan daripada

segolongan ulamak nahu, Aliran Nahu Basrah tetap menolak pendapat tersebut semata-mata kerana berpegang kepada faisafah nahu mereka yang menyebut bahawa ; " Setiap lafaz Tawkid adalah Ma'rifat ( مَعْرِفَةٌ - Kata Nama Khas ).

Oleh itu, lafaz tersebut tidak boleh mentawkidkan suatu Nakirat kerana Nakirat tidak boleh ditawkidkan oleh Ma'rifat " ( 'Abd al-'Aziz Muhammad Fakhir, 1992 : 4 / 30 ).

Begitu juga dalam 4.4.1.1 nombor 2 apabila Aliran Nahu Basrah menegah pengguguran kata seru yang ditujukan kepada Ism al-Jins dan Ism al-Isyarat,

sedangkan Aliran Nahu Kufah mengharuskannya. Contoh pengguguran tersebut boleh dilihat seperti dalam firman Allah Ta'ala berikut ( Al-Baqarat : 85 ) :-  
**ثُمَّ أَنْتُمْ هُوَلَاءٌ تَقْتَلُونَ أَنفُسَكُمْ** ). Kata seru yang digugurkan dalam ayat di atas ialah ( يَ ) yakni ( يَا هُولَاءِ ).

Sama juga seperti kes di atas, Aliran Nahu Basrah menegah pengguguran tersebut kerana berpegang kepada falsafah nahu yang mereka yakini. Menurut ulamak-ulamak Nahu Basrah ; “ Kata seru yang ditujukan kepada Ism al-Jins dan Ism al-Isyārat merupakan pengganti kepada Adāt al-Ta'rīf ( أدأة التعریف ) - Tanda Ma'rīfat ). Oleh kerana Adāt al-Ta'rīf tidak boleh digugurkan, maka kata seru tersebut juga tidak boleh digugurkan ” ( 'Abd al-'Azīz, 1992 : 4 / 78 ).

Dalam hal ini, walaupun apa sekalipun hujah daripada Aliran Nahu Basrah, Aliran Nahu Kufah nampaknya lebih praktikal dan mudah difahami. Hal ini kerana unsur-unsur falsafah adalah kesan langsung daripada pengaruh ilmu mantiq terhadap ilmu-ilmu yang lain termasuk ilmu nahu. Oleh itu, kewujudan unsur-unsur falsafah dalam ilmu nahu sebenarnya telah menyebabkan matlamat pengajian ilmu nahu itu terkeluar daripada medannya yang sebenar di samping menyusahkan dan membebankan para pelajar untuk memahami sesuatu kaedah nahu.

Menurut Dr. Mahdi al-Makhzumi ( Al-Nahw al-'Arabiyy Naqd Wa Tawjih, 1986 : 14 ) ; “ ... Ilmu nahu telah menjadi suatu medan pengajian tentang perdebatan. Ulamak-ulamak nahu masing-masing mempamerkan kebolehan mereka untuk membuat penyelesaian secara ‘aqli ( yakni menggunakan akal fikiran semata-mata ) terhadap masalah-masalah yang mereka andaikan serta bentuk-bentuk penyelesaian yang mereka cadangkan. Oleh itu, faedah daripada pengajian ilmu nahu dan fungsi ilmu nahu dalam pertuturan menduduki tempat yang kedua dari sudut perhatian dan keprihatinan mereka ” .

Setelah membuat ulasan yang terperinci, Muhamad Mustafa ( 1995 : 132 ) akhirnya merumuskan bahawa ; “ Ahli-ahli nahu moden hampir sebulat suara mengatakan bahawa salah satu sebab yang menyukarkan nahu Arab disebabkan ia bercampur aduk dengan perkaedahan dan unsur-unsur falsafah yang keluar dari tabi`at semulajadi bahasa Arab atau membawa nahu kepada perbahasan dan polemik yang bersifat falsafah yang menyusahkan ... ”.

Selain daripada kurangnya pentakwilan dan unsur-unsur falsafah, Aliran Nahu Kufah juga mudah difahami kerana kaedah nahu aliran ini disampaikan dalam bentuk yang ringkas dan mudah di samping bersifat praktikal dan sesuai dengan realiti yang dihadapi oleh para pelajar.

Dalam 4.2.1 nombor 1 misalnya, Aliran Nahu Kufah menganggap al-Fi'l al-Madi adalah kata dasar bagi suatu kata terbitan termasuk Masdar, manakala Aliran

Nahu Basrah menganggap perkara yang sebaliknya iaitu *Masdar* adalah kata dasar bagi suatu kata terbitan termasuk al-Fi'l al-Mādī itu sendiri.

Jika kita perhatikan dari sudut realitinya, pendapat Aliran Nahu Kufah di atas nyata lebih mudah diterima oleh para pelajar khususnya di peringkat awalan pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana para pelajar sering didedahkan malah dikehendaki menghafal struktur nahu seperti berikut :-

( ضَرِبَ يَضْرِبُ ضَرْبًا ، قَامَ يَقُومُ قِيَامًا ) dan sebagainya. Bukan

setakat itu sahaja, struktur yang sama juga digunakan dalam sistem penyusunan kamus bahasa Arab termasuk Kamus Idris al-Marbawiy yang banyak digunakan oleh para pelajar di negara ini.

Dalam struktur nahu di atas, al-Fi'l al-Mādī diletakkan di hadapan sekali berbanding *Masdar* di tempat yang ketiga. Oleh itu, secara tidak langsung para pelajar akan menganggap setiap kata terbitan dalam bahasa Arab berasal daripada al-Fi'l al-Mādī. Contohnya perkataan ( قَانِيمُ ، مَقَامُ ، مُقْيَمٌ ) dan sebagainya adalah

berasal daripada perkataan ( قَامَ ) bukannya daripada perkataan ( قِيَامٌ ).

Dalam 4.2.1 nombor 5 pula, Aliran Nahu Kufah memilih jalan yang lebih selamat dan tidak menyusahkan dengan menganggap kalimah ( عَلَى ) dan ( لَعْلَى ) masing-masing adalah dua kalimah yang berasingan. Namun begitu, Aliran Nahu

Basrah memilih untuk sedikit berfalsafah dengan menganggap huruf "Lām" pada kalimah (لَعْلُ) adalah huruf tambahan kerana kalimah tersebut berasal dari kalimah (عَلُ).

Walau bagaimanapun, dari sudut realitinya, pendapat Aliran Nahu Kufah di atas lebih mudah diterima oleh para pelajar kerana mereka lebih biasa dengan kalimah (لَعْلُ) berbanding kalimah (عَلُ) yang kadang-kadang tidak diketahui langsung oleh para pelajar. Jika kalimah (لَعْلُ) dianggap cabang kepada kalimah (عَلُ), sudah pasti mereka akan merasa keliru kerana kalimah (لَعْلُ) lebih popular bagi mereka.

Sementara itu, dalam 4.2.1 nombor 11, pendapat yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah lebih praktikal untuk diterima pakai oleh para pelajar. Hal ini kerana huruf "Kāf", "Ha'" dan "Ya'" lebih dikenali oleh mereka sebagai al-

Damīr al-Mansūb (الضَّمِيرُ الْمَنْصُوبُ - Ganti Nama Akusatif ) seperti dalam

contoh berikut :- ( ضَرَبَكَ زَيْدٌ ، قَتَلَهُ مُحَمَّدٌ ، كَلَمَنِي أَسْتَلَّ ).

Oleh itu, pendapat Aliran Nahu Kufah yang mengatakan bahawa huruf-huruf tersebut yang wujud bersama “ Iyyā ” untuk membentuk kalimah-kalimah berikut iaitu :- ( يَأْتِكَ ، يَأْتِاهُ ، يَأْتِيَ ) adalah ganti nama lebih mudah difahami dan diterima kesahihannya oleh para pelajar. Justeru itu, pendapat Aliran Nahu Basrah yang mengatakan “ Iyyā ” adalah ganti nama sudah pasti akan menimbulkan kekeliruan di kalangan para pelajar.

Dalam 4.2.1 nombor 12 pula, kalimah ( خطأ ) yang diwazarkan sebagai ( فَعَلَى ) oleh Aliran Nahu Kufah lebih mudah diterima oleh para pelajar berbanding wazan ( فَعَالَ ) oleh Aliran Nahu Basrah. Hal ini kerana kalimah “ khatāyā ” dengan “ fa`ala ” mempunyai persamaan dari sudut suku kata akhirnya iaitu antara “ yā ” dengan “ la ”. Persamaan tersebut akan memudahkan para pelajar menerima pendapat yang dikemukakan. Oleh itu, perbezaan suku kata akhir yang wujud antara “ khatāyā ” dengan “ fa`ā'il ” akan merumitkan pembelajaran para pelajar mengenai wazan dalam bahasa Arab.

Bagaimanapun, dalam masalah ini penulis tidak berminat untuk mengemukakan hujah kedua-dua belah pihak dalam menegakkan pendapat masing-masing kerana hujah-hujah tersebut dipenuhi dengan unsur-unsur falsafah yang menyusahkan para pelajar. Yang pentingnya di sini ialah hakikat bahawa wazan

yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah lebih praktikal dan sesuai dengan realiti untuk digunakan oleh para pelajar.

Cadangan supaya Aliran Nahu Kufah digunakan dalam pengajian bahasa Arab bukanlah suatu cadangan yang baru, malah telah dipelopori oleh orang-orang Arab sendiri. Antaranya ialah Dr. Mahdi al-Makhzumi dalam buku beliau yang bertajuk "Fi al-Nahw al-'Arabi Qawa'id Wa Tatbiq 'Ala al-Manhaj al-'Ilmiy al-Hadith". Dalam buku tersebut, Dr. Mahdi al-Makhzumi telah mencadangkan beberapa idea, istilah dan teori nahu yang dipinjam daripada Aliran Nahu Kufah. Antara cadangan tersebut adalah seperti berikut :-

1) Penggunaan (الخُفْضُ ) , (الحَرْفُ ) sebagai ganti kepada (الأَدَاءُ )

sebagai ganti kepada (الجَرُّ ) dan (الفِعْلُ الْذَّائِمُ ) sebagai ganti kepada

(اسْمُ الْفَاعِلِ ).

2) Asmā' al-a'fāl ( أسماء الأفعال ) dianggap sebahagian daripada ( أبْنِيَةُ الْأَفْعَالِ ).

3) Tanwīn yang terdapat pada sebahagian daripada ( أسماء الأفعال )

seperti ( صَنْهُ ) dan ( إِنْهُ ) dianggap sebagai tanwīn ( تَنْوِينُ ) iaitu untuk

memperkembangkan kalimah, bukannya tanwīn ( تَمْكِينُ ).

4) لَامُ الْفَتْسِمُ ( لَامُ الْبَتْدَاءُ ) adalah dari jenis (

5) فَعْلٌ ( فَعْلُ الْأَمْرِ ) mempunyai dua bentuk wazan iaitu dan ( افعَلْ ).

6) Kata Nama Akusatif yang terletak selepas ( الفَعْلُ الْكَبِنُوتَةُ ) diirāb sebagai ( الْحَالُ ).

7) Fenomena akusatif selepas ( وَلُوِّ الْمَعْيَةُ ) adalah kerana ( الخَلَافُ ) bukannya kerana ( الْمَفْعُولَيَّةُ ).

8) Sebahagian huruf boleh mengganti sebahagian huruf yang lain secara qiyās.

( Lihat, Muhamad Mustafa, 1995 : 213 )<sup>1</sup>.

Bagaimanapun, perlu ditegaskan sekali lagi, kesesuaian yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah dilihat dari kaca mata penduduk negara ini khususnya orang-orang Melayu, bukannya dari kaca mata orang-orang Arab. Hal ini kerana pengajian bahasa Arab akan menjadi lebih mudah jika kaedah, kurikulum dan bahan

pengajaran yang digunakan bersesuaian dengan budaya dan cara berfikir para pelajar di negara ini.

Melihat kepada perbincangan kita yang lalu, penggunaan Aliran Nahu Kufah dalam sistem pengajian bahasa Arab di negara ini bukan sahaja sesuai malah didapati tidak terkeluar dari objektif pengajian Bahasa Arab Tinggi yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri ( lihat 5.3 ). Kaedah nahu yang mudah difahami, kurangnya unsur-unsur pentakwilan dan falsafah di samping bersifat praktikal dan sesuai dengan realiti sudah pasti memudahkan para pelajar untuk memahami makna ayat suci al-Quran dan hadith Nabi s.a.w., mempraktikkan penggunaan bahasa Arab semasa bertutur, membaca dan menulis, menguasai kaedah nahu dan gaya bahasa bahasa Arab dan seterusnya meningkatkan kemahiran pelajar menggunakan kaedah nahu Arab yang betul dalam pertuturan dan ucapan mereka. Oleh itu, Aliran Nahu Kufah semestinya tidak boleh diabaikan dalam proses pembangunan dan pendidikan bahasa Arab di negara ini.

Contoh-contoh yang disebutkan di atas tadi adalah sebahagian daripada begitu banyak contoh yang membuktikan bahawa pendapat atau pendekatan ulamak-ulamak nahu Aliran Nahu Kufah dalam masalah-masalah nahu boleh dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa Arab untuk memudahkan lagi pengajian bahasa Arab di negara ini. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil sahaja daripada pendapat tersebut yang telah diguna pakai dalam pengajian bahasa Arab di negara ini, khususnya yang bersamaan dengan pendapat-pendapat Ibn Malik. Namun begitu, kajian ini tidak akan membincangkan sejauh manakah aliran

ini boleh diguna pakai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini. Hal ini kerana perkara tersebut memerlukan kepada suatu kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci, sedangkan kajian ini hanyalah permulaan ke arah mencapai matlamat tersebut.

Akhir sekali, sebagai menyokong hujah-hujah yang telah dibincangkan sebelum ini, di sini dikemukakan pendapat Dr. 'Arif Karkhi Abu Khudayri ( Majalah Pengajian Arab, Januari 1993 ) yang menyatakan bahawa ; "Punca kesilapan kaedah tradisional dalam pengajaran nahu ialah tumpuan yang lebih diberikan kepada ilmu nahu dengan menjadikannya sebagai matlamat tanpa melihat ilmu tersebut secara realiti iaitu sebagai suatu cara untuk memahami setiap apa yang didengar atau yang dibaca dan memahamkannya pula kepada orang lain melalui pertuturan atau bahan penulisan.

Bertitik tolak dari kefahaman yang betul tentang objektif pengajian ilmu nahu ini, adalah amat wajar bagi kita untuk tidak menumpukan perhatian terhadap perkara-perkara seperti pentakrifan, pentakwilan dan perselisihan pendapat dalam ilmu nahu. Oleh itu, tumpuan hendaklah diberikan kepada pengajaran nahu melalui bahan bacaan dan teks-teks terpilih di samping melibatkan para pelajar dengan meminta mereka mengeluarkan kaedah-kaedah nahu daripada teks-teks contoh yang seboleh-bolehnya mudah dan bersih daripada unsur-unsur yang sengaja diadakan".